# KERJASAMA EKONOMI ASEAN

## PERALIHAN & PERUBAHAN



SEKRETARIAT ASEAN

PENTERJEMAH
ABDUL RAZAK CHIK
NORZILAH HJ. AZIZ
AZIZAH MD. YUSOF

Institut Terjemahan Negara Malaysia
Universiti Utara Malaysia
Ilmu Budi Bakti
Perdana Leadership Foundation
Yayasan Kepimpinan Perdana

59
R

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# KERJASAMA EKONOMI ASEAN

## PERALIHAN & PERUBAHAN

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

# KERJASAMA EKONOMI ASEAN

## PERALIHAN & PERUBAHAN

SEKRETARIAT ASEAN

PENTERJEMAH
ABDUL RAZAK CHIK
NORZILAH HJ. AZIZ
AZIZAH MD. YUSOF

PUSTAKA PERDANA
1008803

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

#168814

Buku **KERJASAMA EKONOMI ASEAN: PERALIHAN DAN PERUBAHAN** ini ialah terjemahan yang sah daripada buku *ASEAN Economic Co-operation: Transition & Transformation* diselenggarakan oleh Sekretariat ASEAN, terbitan Institute of Southeast Asian Studies, Heng Mui Keng Terrace, Pasir Panjang Road, Singapore 119596.

Cetakan Pertama 2011 dengan kebenaran Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
© Karya terjemahan oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
© 1997 Institute of Southeast Asian Studies, Singapore

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, Wisma ITNM, No.2, Jalan 2/27E, Seksyen 10, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kerjasama ekonomi Asean: peralihan dan perubahan /
penterjemah Abdul Razak Chik, Norzilah Hj. Aziz, Azizah Md. Yusof
ISBN 978-983-068-528-1
1. Southeast Asia--Commerce. 2. Southeast Asia-Economic conditions.
3. Southeast Asia--Foreign economic relations. I. Norzilah Hj. Aziz.
II. Azizah Md. Yusof. III. Abdul Razak Chik.
337.159

Diterbitkan secara bersama oleh:
**INSTITUT TERJEMAHAN NEGARA MALAYSIA BERHAD**
(No Syarikat: 276206-D)
Wisma ITNM, No.2, Jalan 2/27E
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel.: 603-4149 7210 Faks: 603-4142 0753
E-mel: publishing@itnm.com.my Laman Web: www.itnm.com.my
dan
**PENERBIT UUM**
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah Malaysia
Tel.: 604-928 4141 Faks: 604-928 4142
E-mel: penerbit@uum.edu.my Laman Web: http://uumpress.uum.edu.my

Dicetak di Malaysia oleh:
Penerbit UUM

337.159
KER

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# KATA PENGANTAR

Deklarasi ASEAN pada 8 Ogos 1967 menyatakan bahawa satu daripada matlamat ASEAN adalah untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi serantau menerusi usaha sama dengan semangat kesamaan dan perkongsian supaya ASEAN dapat memperkukuh asas kemakmuran dan keamanan masyarakat di negara-negara Asia Tenggara. Dalam usaha untuk mencapai objektif tersebut, ASEAN telah melaksanakan berbagai-bagai skim kerjasama ekonomi.

Perkembangan kerjasama ekonomi ASEAN pada awal kewujudannya agak perlahan. Walau bagaimanapun, kerjasama ekonomi ini telah meningkat dengan pesatnya sejak akhir-akhir ini. Titik perubahan kerjasama ekonomi ASEAN mula dicapai pada Sidang Kemuncak ASEAN Keempat di Singapura pada 27–28 Januari 1992 apabila Perjanjian Rangka Kerja bagi Mempertingkatkan Kerjasama Ekonomi ASEAN diterima pakai. Inisiatif yang paling penting dalam Perjanjian Rangka Kerja ini ialah pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Kerjasama Ekonomi ASEAN menerima galakan lagi pada Sidang Kemuncak ASEAN Kelima di Bangkok, 14–15 Disember 1995 apabila Deklarasi Bangkok menggariskan agenda bagi integrasi yang lebih luas. Agenda ini telah menjanakan lebih banyak inisiatif dalam bidang baharu kerjasama ekonomi ASEAN, khususnya dalam bidang perkhidmatan dan pelaburan.

Semenjak pada peringkat awal kewujudan Kerjasama Ekonomi lagi sudah kelihatan bahawa Perjanjian Perdagangan Keutamaan ASEAN dan Rizab Keselamatan Makanan ASEAN pada penghujung tahun 1970-an, didapati kerjasama ekonomi bukan sahaja berkembang malahan juga semakin mendalam. Dalam usaha menunjukkan reputasi perkembangan ASEAN (dalam bidang kerjasama), Sekretariat ASEAN telah menerbitkan buku ini untuk menunjukkan pencapaian utama ASEAN dalam berbagai-bagai sektor kerjasama ekonomi.

Pencapaian ini merupakan satu penghargaan kepada bapa pengasas ASEAN yang mempunyai wawasan untuk menjadikan masyarakat di negara-negara Asia Tenggara makmur dan aman kini dapat direalisasikan melalui usaha bersama dalam pelbagai skim kerjasama ekonomi. Pencapaian ini juga merupakan penghargaan kepada



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

para menteri ekonomi ASEAN yang sekarang dan yang lepas dan pegawai ekonomi kanan yang telah menghabiskan masa yang amat bernilai untuk merangka hala tuju kerjasama ASEAN.

Akhir kata, Sekretariat ASEAN juga mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Florian Alburo yang telah memberikan segala bantuan untuk menyediakan kajian ini dan kepada Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) yang telah membiayai penerbitan buku ini.

**Dato' Ajit Singh**
Setiausaha Agung
Persatuan Negara Asia Tenggara



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# KANDUNGAN


| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Kata Pengantar | | | | v |
| Senarai Jadual | | | | xi |
| Senarai Lampiran | | | | xii |
| Senarai Rajah | | | | xiii |
| 1. | Asal Usul dan Pertumbuhan Kerjasama | | | 1 |
| | I. | Pengenalan | | 1 |
| | II. | Ekonomi ASEAN | | 2 |
| | III. | Pembentukan dan Organisasi ASEAN | | 15 |
| | IV. | Mekanisme Kerjasama ASEAN | | 22 |
| 2. | Kajian dan Penilaian terhadap Kerjasama Ekonomi | | | 39 |
| | I. | Pengenalan | | 39 |
| | II. | Kerjasama Ekonomi | | 46 |
| | | A. | Perdagangan antara ASEAN: Daripada PTA kepada AFTA | 46 |
| | | B. | Perkembangan Industri ASEAN: Daya Saing dan Saling Melengkapi | 56 |
| | | C. | Makanan, Pertanian dan Perhutanan: Keselamatan dengan Pemuliharaan | 68 |
| | | D. | Pengangkutan, Komunikasi dan Pelancongan: Penghubung ASEAN | 79 |
| | | E. | Kewangan dan Perbankan: Ke Arah Integrasi Kewangan | 86 |
| | | F. | Bidang Galian dan Tenaga: Peningkatan Kerjasama | 88 |
| | III. | Ringkasan | | 93 |
| 3. | Haluan Masa Depan: Bidang Baharu Kerjasama Ekonomi | | | 101 |
| | I. | Pengenalan | | 101 |
| | II. | Bidang Baharu Kerjasama Ekonomi | | 105 |
| | | A. | Standard dan Kualiti | 105 |
| | | B. | Pelaburan | 108 |
| | | C. | Harta Intelektual | 112 |
| | | D. | Perkhidmatan | 113 |
| | | E. | Pembangunan Infrastruktur | 118 |
| | | F. | Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana | 120 |
| | III. | Perspektif | | 122 |




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

4. Kerjasama Sektor Swasta dan Serantau ASEAN 127
I. Pengenalan 127
II. Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN (ASEAN-CCI) 127
A. Objektif 131
B. Struktur Organisasi 131
C. Majlis Perniagaan Ekonomi Bersama dengan Rakan Dialog ASEAN 135
D. Peranan ASEAN-CCI dalam Kerjasama ASEAN 136
E. ASEAN-CCI dan Kerajaan ASEAN 139
F. Hubungan dengan Organisasi Serantau dan Antarabangsa 141
III. Organisasi-organisasi Sektor Swasta yang Lain 142
IV. Pusat Serantau ASEAN 147
V. Implikasi 151

5. Kerjasama dalam Kerangka Kecil: Segi Tiga Pertumbuhan dalam ASEAN 155
I. Kemunculan Segi Tiga Pertumbuhan 155
II. Pengalaman ASEAN dengan Kawasan Pertumbuhan 160
A. Segi Tiga Pertumbuhan Singapura-Johor-Riau (SIJORI) 160
B. Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia dan Thailand (IMT-GT)[2] 166
C. Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (EAGA)[3] 169
III. Masalah Pembangunan Bersepadu 172
A. Persepsi Faedah yang Tidak Saksama 172
B. Kekurangan Infrastruktur 173
C. Kerumitan Struktur Pembuat Keputusan 173
D. Mobiliti Buruh dan Kebajikan 173
IV. Kesimpulan 174

6. Kerjasama dalam Rangka yang Lebih Luas: Hubungan Luar ASEAN 177
I. Pengenalan 177
II. Proses Dialog 185
A. ASEAN-Australia 186



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

B. ASEAN-Kanada 191
C. ASEAN-EU 192
D. ASEAN-Jepun 194
E. ASEAN-New Zealand 196
F. ASEAN-Republik Korea 198
G. ASEAN-Amerika Syarikat 199
H. ASEAN-UNDP 202
I. ASEAN-India 202
J. ASEAN-China 204
K. ASEAN-Rusia 204
III. Hubungan Dialog Peringkat Sektor ASEAN 205
A. ASEAN-Pakistan 205
B. Hubungan dengan Organisasi Serantau yang Lain 205
IV. Perubahan Parameter Hubungan Luar ASEAN 206

7. Prospek 209
I. Penilaian Keseluruhan 209
II. Kerjasama Ekonomi ASEAN: Generasi Akan Datang 216
III. ASEAN di Asia 219
IV. ASEAN dalam Perkampungan Global 221
V. Kesimpulan 223

8. Catatan Tambahan 227
I. AFTA 228
II. Perkhidmatan 229
III. Industri 230
IV. Pelaburan 230
V. Kewangan 230
VI. Makanan, Pertanian dan Perhutanan 231
VII. Pengangkutan dan Komunikasi 233
VIII. Tenaga 233
IX. Pelancongan 234
X. Galian 234
XI. Harta Intelektual 234
XII. Perusahaan Kecil dan Sederhana 235
XIII. Penglibatan Sektor Swasta 235
XIV. Lembah Mekong-ASEAN 236
XV. Hubungan Serantau 236



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

| | | |
|---|---|---|
| Lampiran A: | Data Asas | 239 |
| Lampiran B: | Singkatan | 245 |
| Lampiran C: | ASEAN-Gabungan Organisasi Bukan Kerajaan, mengikut Sektor | 253 |
| Lampiran D: | Penerbitan Terkini oleh Sekretariat ASEAN | 255 |
| Lampiran E: | Rujukan | 259 |
| | Indeks | 263 |




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

## SENARAI JADUAL


| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Data Asas Ekonomi ASEAN | 4 |
| 1.2 | Nisbah Perdagangan [a]ASEAN[b], 1965–94 | 9 |
| 2.1 | Nisbah Eksport-KDNK, 1965–92 (Peratusan) | 44 |
| 2.2 | ASEAN: Hala Tuju Perdagangan, 1993 (Peratusan) | 45 |
| 2.3 | Bahagian Nilai Perdagangan yang Dilindungi oleh CEPT, 1994 (sebagai Peratusan daripada Eksport Intra-ASEAN) | 56 |
| 2.4 | Bahagian Industri dalam KDNK, 1970–95 (Peratusan) | 57 |
| 2.5 | Kadar Pertumbuhan Nilai Ditambah dalam Industri, 1971–94(Peratusan) | 59 |
| 2.6 | Indeks Perdagangan Intraindustri, 1970–90 | 66 |
| 2.7 | Sumbangan Pertanian dalam KDNK, 1970–95 (Peratusan) | 68 |
| 2.8 | Kadar Pertumbuhan Nilai Ditambah dalam Pertanian, 1971–94 (Peratusan) | 70 |
| 2.9 | Keluasan Tanaman: Keluaran dan Hasil, 1983–92 | 71 |
| 6.1 | Perdagangan antara ASEAN dan Kesatuan Eropah, 1989–93 (AS$ Juta) | 191 |
| 6.2 | Eksport ASEAN kepada Rakan Dialog, 1989–93 (AS$ Juta) | 194 |
| 6.3 | Import ASEAN daripada Rakan Dialog, 1989–93 (AS$ Juta) | 194 |
| 8.1 | Profil Makroekonomi bagi Sembilan Negara ASEAN | 227 |




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

## LAMPIRAN A: DATA ASAS


A1 Jumlah Penduduk Pertengahan Tahun, 1994 (Juta) 239

A2 Kadar Pertumbuhan Tahunan 1985–89 (Peratusan) 239

A3 Perubahan Tahunan dalam Harga Pengguna, 1972–94 (Peratusan) 240

A4 Eksport Dagangan, 1988–94 (AS$ Juta, f.o.b) 240

A5 Import Dagangan, 1988–94 (AS$ Juta, f.o.b) 240

A6 Kadar Pertumbuhan Tahunan Nilai Ditambah dalam Pertanian, 1971–94 (Peratusan) 241

A7 Kadar Pertumbuhan Tahunan Nilai Ditambah dalam Pertanian, 1971–94 (Peratusan) 241

A8 Syer Industri dalam Nilai Ditambah, 1970–95 241

A9 Eksport ASEAN kepada Rakan Dialog, 1989–93 (AS$ Juta) 242

A10 Import ASEAN kepada Rakan Dialog, 1989–93 (AS$ Juta) 242

A11 Kadar Pertumbuhan Jumlah Perdagangan, 1990–93 (Peratusan) 243




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

## SENARAI RAJAH


| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Kadar Pertumbuhan KDNK bagi Negara-negara ASEAN, 1988–94 (Peratusan) | 5 |
| 1.2 | Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Negara-negara ASEAN, 1988–94 (Peratusan) | 6 |
| 1.3 | Bahagian ASEAN dalam bentuk Nilai Tambah (Peratusan) | 8 |
| 1.4 | Eksport Barang Niaga*, 1988–94 (AS$ Juta) | 11 |
| 1.5 | Import Barang Niaga*, 1988–94 (AS$ Juta) | 12 |
| 1.6 | Penduduk Negara ASEAN pada Pertengahan Tahun 1994 (Juta) | 13 |
| 1.7 | Struktur Organisasi ASEAN sebelum Sidang Kemuncak Bali, (Februari 1976) | 23 |
| 1.8 | Struktur Institusi ASEAN, 1983 | 28 |
| 1.9 | Badan Subsidiari Jawatankuasa ASEAN | 29 |
| 1.10 | Struktur Organisasi Baharu ASEAN, 1995 | 34 |
| 1.11 | Sekretariat ASEAN | 35 |
| 1.12 | Jentera Kerjasama Ekonomi ASEAN | 36 |
| 2.1 | Kadar Purata CEPT, Program Asal (1994–2008) dan Program Pemecutan (1996–2003) | 51 |
| 5.1 | Peta Segi Tiga di Kawasan Pasifik | 161 |
| 5.2 | Peta SIJORI | 164 |
| 5.3 | Peta IMT-GT | 168 |
| 5.4 | Peta EAGA | 171 |




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

6.1 Eksport ASEAN kepada Rakan Dialog, 1989–93 (AS$ Juta) 187

6.2 Import ASEAN daripada Rakan Dialog, 1989–93 (AS$ Juta) 188

6.3 Jumlah Kadar Pertumbuhan Perdagangan ASEAN kepada Rakan Dialog, 1990–93 (Peratusan) 189




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

1

# ASAL USUL DAN PERTUMBUHAN KERJASAMA

## I. Pengenalan

Bab ini menggalurkan perkembangan kerjasama antara negara dalam Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) semenjak organisasi ini ditubuhkan dua puluh lima tahun yang lalu. Kerjasama ekonomi ini bermula dengan termeterainya perjanjian kerjasama awal dengan rasional yang berbeza-beza dari segi isi kandungan dan bantuan walaupun telah terdapat kesedaran dari segi faedah bersama kesan daripada kerjasama.

Dalam bahagian seterusnya, ekonomi ASEAN diterangkan dengan menggunakan petunjuk makroekonomi dan secara terhad bagi membolehkan perdagangan membenarkan perbandingan perkembangan ekonomi antara negara dibuat. Persekitaran yang membolehkan kerjasama itu berkembang dibincangkan secara spesifik. Gambaran tentang rantau ini sememangnya dapat menggambarkan latar belakang aktiviti yang akan dijalankan.

Bahagian III akan memberikan maklumat lengkap tentang penubuhan dan organisasi ASEAN dari segi pelbagai inisiatif. Ini bukan bermakna penjelasan itu terkeluar daripada fakta sejarah percubaan untuk mengadakan kerjasama oleh negara anggota ASEAN dan bukan negara anggota, tetapi sebagai hujah untuk menunjukkan bahawa asas penubuhan sebelum itu (contohnya, politik, sosial dan keselamatan) merupakan sebahagian daripada asas yang mencorakkan pembentukan kerjasama ekonomi ASEAN. Laluan ke arah pembentukan organisasi serantau ini mempunyai pelbagai cabaran. Namun begitu, pengajaran yang diperoleh daripada langkah yang diambil pada masa lalu itu sebagai aset yang tidak ternilai untuk membentuk agenda kerjasama ASEAN.

Bahagian IV pula memfokuskan perbincangan tentang mekanisme kerjasama ekonomi ASEAN. Perkembangan hierarki organisasi



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ini daripada Sidang Kemuncak Pertama hingga Sidang Kemuncak Kelima diterangkan. Perkembangan Sekretariat ASEAN, walaupun bersifat inter-Kerajaan dijelaskan sejak bermulanya aktiviti kerjasama ekonomi ASEAN. Peningkatan peranan Sekretariat ASEAN, terutamanya dalam bidang kerjasama ekonomi, juga mengambil perhatian tentang perubahan organisasi yang selari pada peringkat pegawai kanan. Bahagian ini diakhiri dengan huraian lanjut tentang fungsi spesifik Sekretariat ASEAN dalam bidang kerjasama ekonomi.

## II. Ekonomi ASEAN

Negara-negara yang telah bersama membentuk sejarah Asia menjangkau dari New Zealand hingga Republik Korea dan dari Thailand hingga Pakistan. Walau bagaimanapun, hanya kumpulan negara ASEAN yang kian kukuh dan mempunyai ciri tersendiri dalam tempoh dua puluh lima tahun kebelakangan ini. Pada asalnya keanggotaannya hanya terdiri daripada lima buah negara, kemudian menjadi tujuh pada tahun 1995 dan mungkin akan meningkat kepada sepuluh sebelum penghujung abad. Pada mulanya aktiviti kerjasamanya terlalu banyak yang bersifat *ad hoc*. Kemudian pertubuhan ini telah mengambil langkah berani untuk merangka kerjasama yang lebih padu bagi menjadikan pasaran yang terpisah-pisah dan lebih berbentuk negara individu, ke arah satu pasaran yang terancang.

Walaupun begitu, inti pati potensi ASEAN terletak pada negara-negara yang membentuknya. Kekuatan serantau berpunca daripada kekuatan ekonomi negara anggota dan sinergi yang tidak terbatas (sebenar dan potensi) yang datangnya dari struktur asas setiap negara anggota.

Bidang yang diberikan perhatian oleh ASEAN meliputi politik, sosial dan ekonomi dalam kalangan negara anggota. Sehingga kini, kepimpinan politik negara anggota masih lagi mengambil perhatian mengenai masalah yang sama seperti kemiskinan, kesesakan di bandar, alam sekitar dan sebagainya. Begitu juga kepentingan negara individu ASEAN. Sebagai ikatan hubungan serantau, ASEAN menganggap makroekonomi dan perdagangan menjadi isu yang lebih kritikal. Oleh itu, negara anggota menjadikan makroekonomi dan pelaksanaan kerjasama perdagangan serantau sebagai dasar yang dapat mengekalkan skim kerjasama ekonomi ASEAN.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

**Kotak 1.1: ASAL ASEAN**

Pada awal tahun 1959, Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman mengusulkan supaya Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) selain Maphilindo iaitu pertubuhan sebelum ASEAN. Pertubuhan ini hidup tidak lama kerana terdapat pertikaian politik dan wilayah dalam kalangan negara anggota. Walaupun terdapat persamaan kepentingan pada kalangan negara ASEAN bagi membendung komunisme, ASEAN tidak dibentuk pada awalnya sebagai perikatan politik dan tentera. Oleh itu tidak terdapat kerjasama konkrit dalam bidang ini. Peristiwa yang berikutnya merupakan nafas baharu bagi penubuhan ASEAN.

Pada bulan Julai 1969, Presiden Nixon mengusulkan supaya tentera Amerika Syarikat berundur dari negara Asia. Pada masa yang sama Kesatuan Soviet bercadang untuk "memantapkan sistem keselamatan bersama di Asia" dan Kerajaan British pula mengumumkan akan mengundurkan tentera dari timur Terusan Suez.

Jadual 1.1 menunjukkan data asas ekonomi ASEAN. Data itu menggambarkan pelbagai kelainan dari segi saiz, fizikal, penduduk dan Keluaran Negara Kasar (KNK) negara anggota. Walau bagaimanapun, perbezaan dari segi kesetaraan kuasa beli dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kian berkurangan atau mengecil. Data pada Lampiran A, menyediakan maklumat yang penting tentang struktur ekonomi negara individu ASEAN. Didapati hampir semua negara ASEAN berada pada peringkat pembangunan yang sama, mengeluarkan kumpulan produk yang sama dan mempunyai perdagangan dalam kategori industri yang sama.

Dua petunjuk agregat itu dapat memperlihatkan secara ringkas profil makroekonomi ekonomi ASEAN. Rajah 1.1 menunjukkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi lima tahun yang lepas dan purata perkembangannya pada dekad 1970-an dan 1980-an. Dapat kita lihat bahawa, kadar pertumbuhan purata bagi empat daripada tujuh buah negara ASEAN adalah hampir sama (dengan purata yang rendah bagi Filipina). Sebahagian daripadanya



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dapat kita jelaskan dengan persekitaran luar bersama bagi ekonomi ASEAN. Purata ini berbeza dengan purata tahun 1980-an dan semenjak tahun 1992, pemulihan ekonomi dapat dilihat pada tujuh buah negara kecuali Brunei. Selepas itu, kadar pertumbuhan negara ASEAN adalah mendatar seperti yang berlaku pada tahun 1970-an dengan Singapura, Thailand dan Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan melebihi kadar sebelumnya manakala Indonesia rendah daripada sebelumnya. Kita juga dapat melihat bahawa akhirnya semua anggota mengalami perubahan (puncak dan jurang) perkembangan ekonomi pada sepanjang tempoh dua puluh lima tahun walaupun tahapnya berbeza-beza mengikut negara. Sebagai contoh, Filipina mengalami perubahan yang sama tetapi keputusan akhirnya adalah lebih rendah daripada paras purata pertumbuhan mutlak.

**Jadual 1.1**

Data Asas Ekonomi ASEAN

| Negara | Kawasan Q ($km^2$) | Penduduk, 1993 (ribu) | KNK Per Kapita, 1993 (AS$) | KDNK Sebenar Per Kapita,1992 (PPP AS$) |
|---|---|---|---|---|
| Brunei | 5,776 | 300 | n.a. | 20,589 |
| Indonesia | 1,906,240 | 187,200 | 732 | 2,950 |
| Malaysia | 332,456 | 19,000 | 3,156 | 7,790 |
| Filipina | 300,440 | 65,800 | 830 | 2,550 |
| Singapura | 618 | 2,900 | 19,314 | 18,330 |
| Thailand | 514,820 | 58,800 | 2,044 | 5,950 |
| Vietnam | 332,000 | 71,000 | 170 | n.a. |
| ASEAN | 3,392,350 | 405,000 | 26,246 | 58,159 |

*Nota*: (a) Purata berpemberat KNK per kapita tidak termasuk Brunei;
(b) Purata berpemberat KDNK sebanar per kapita tidak termasuk Vietnam.
n.a. = Data tidak diperoleh.

*Sumber*: Laporan Pembangunan Manusia, 1995; 1995 Laporan dalam Wilayah Ekonomi APEC.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

**Rajah 1.1**
Kadar Pertumbuhan KDNK bagi Negara-negara ASEAN, 1988–94
(Peratusan)




Nota: Data bagi negara Brunei sebelum tahun 1991 dan data bagi negara Vietnam bagi tempoh 1971–80 tidak diperoleh.
*Sumber*: Bank Pembangunan Asia dan Laporan Ekonomi Serantau APEC 1995.

Perubahan ketara telah berlaku dalam bidang utama kerjasama ekonomi ASEAN. Dalam perdagangan, AFTA menggantikan PTA, dalam industri, AICO menggantikan AIC dan AIJV, manakala dalam pertanian pula, Skim Simpanan Keselamatan Makanan telah dibangunkan. Pada masa yang sama, bidang baru kerjasama ekonomi telah diberi mandat terutamanya dalam bidang perkhidmatan dan harta intelektual.

Buku ini membolehkan pembaca mengetahui perkembangan ASEAN yang lebih berwawasan dengan pemahaman yang lebih jelas. Buku ini juga membolehkan pembuat dasar melihat perspektif yang lebih jelas tentang isu berkaitan kerjasama ekonomi serantau dan membantu bagi menggariskan hala tuju masa depan.

PENERBIT UUM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Institut Terjemahan Negara Malaysia
ISBN 978-983-068-528-1
9 789830 685281
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA